

# PENGLIBATAN IBU BAPA TERHADAP PENDIDIKAN ANAK PASCA COVID-19 DARI PERSPEKTIF GEOGRAFI

*Parental Involvement in Child Education Post Covid-19 from a Geographical Perspectives*

SAIFUL ADLI SUHADAK<sup>1</sup>, ROSMADI FAUZI<sup>2\*</sup>, MUHAMMAD FATHI MARZUKI<sup>3</sup>, VERONICA SAYU BALANG<sup>4</sup> & QHAIYYUM AZHAR RAMLI<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup> Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur

\*Corresponding author: rosmadifauzi@um.edu.my

Received: 10 Ogos 2024; Revised: 20 Oct 2024; Accepted: 22 Nov 2024; Published: 09 Dec 2024

To cite this article (APA): Saiful Adli, S., Rosmadi , F., Muhammad Fathi, M., Veronica Sayu Balang, & Qhaiyyum Azhar , R. (2024). Parental Involvement in Child Education Post Covid-19 from a Geographical Perspectives. *GEOGRAFI*, 12(2), 79–101. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol12.2.6.2024>

**ABSTRAK** Penglibatan ibu bapa amat penting dalam pencapaian akademik anak. Penularan pandemik COVID-19 memberi kesan kepada sistem pendidikan sehingga menyebabkan ibu bapa perlu lebih bertanggungjawab terhadap pendidikan anak. Ibu bapa perlu memberikan komitmen dan sokongan yang tinggi terhadap pendidikan anak seperti membantu pembelajaran anak di rumah, berinteraksi dengan guru kelas, dan menghadiri program-program dianjurkan oleh pihak sekolah. Namun begitu, terdapat perbezaan dari aspek persekitaran tempat tinggal ibu bapa yang mempengaruhi penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menentukan perhubungan penglibatan ibu bapa dengan lapan faktor geografi iaitu saiz rumah, saiz populasi, saiz mukim, lokasi rumah, lokasi sekolah, lokasi mukim, guna tanah, dan jarak rumah ke sekolah. Kajian melibatkan 400 orang ibu bapa yang mempunyai anak di sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Data dikumpulkan secara kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26. Ujian Khi Kuasa Dua dilaksanakan bagi menentukan hubungan penglibatan ibu bapa dengan faktor geografi. Dapatan kajian mendapatkan penglibatan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan saiz rumah, saiz populasi, saiz mukim, lokasi rumah, lokasi sekolah, lokasi mukim, guna tanah dan jarak rumah ke sekolah. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak berkepentingan untuk merancang dasar pendidikan negara berdasarkan faktor geografi di masa hadapan.

**Kata kunci:** Penglibatan ibu bapa, pendidikan anak, pasca COVID-19, faktor geografi

**ABSTRACT** Parental involvement very important in the child's academic achievement. The spread of the COVID-19 pandemic has impacted the education system, resulting in parents needing to be more responsible for their children's education. Parents need to give high commitment and support to their child's education such as assisting their children's learning at home, interacting with class teachers, and attending school programs. However, variations in parental living conditions can influence their ability to participate actively in their

*children's academic pursuits. Therefore, this study was conducted to determine the relationship between parents and eight geographical factors, namely, house size, population size, district's size, house location, school location, subdistrict's location, land use, and distance from home to school. The study involved 400 parents who had children in primary schools in Kuala Langat district. Data is collected quantitatively using questionnaires and analysed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26 software. The Chi-Squared test is carried out to determine the relationship of parental involvement with geographical factors. The findings found that there was a significant relationship between parents' involvement with house size, population size, subdistrict's size, location of the house, school location, subdistrict's location, land use, and distance from house to school. Therefore, the research is projected to direct stakeholders towards the formulation of education policies that are grounded in geographical considerations for the future.*

**Keywords:** Parental involvement, child education, Post COVID-19, geographical factors

## **1. Pengenalan**

Pada masa kini, kajian geografi tidak lagi tertumpu kepada persekitaran dan wilayah-wilayah di dunia tetapi telah berkembang kepada hubungan geografi dengan kehidupan manusia di bumi ini. Bumi telah membentuk kehidupan manusia dan menyebabkan berlakunya perperangan, perebutan kuasa, politik dan perkembangan sosial (Marshall & Scarlett, 2015). Dengan erti kata lain, kualiti kehidupan manusia di muka bumi mempunyai hubungan dengan persekitaran dan alam sekeliling (Saini et al., 2019). Sehubungan dengan itu, geografi moden lebih memfokuskan kepada perhubungan persekitaran di muka bumi dengan sikap dan tingkah laku manusia (Piotrowska et al., 2019). Pada awal tahun 2019, seluruh dunia telah dikejutkan dengan penularan pandemik COVID-19 yang menyebabkan pelbagai perkara yang telah dirancang terpaksa dihentikan atau ditangguhkan buat sementara waktu. Kebanyakan negara terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat daripada peningkatan kes-kes harian.

Sektor pendidikan turut menerima kesan apabila Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) perlu diubah dari secara bersemuka di sekolah kepada secara atas talian dari kediaman rumah masing-masing. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dengan menyediakan satu garis panduan manual sebagai rujukan para guru, ibu bapa, dan murid-murid (Mailis, 2022). Kaedah PdPR ini telah merintis perubahan kepada proses pengajaran dan pembelajaran sedia ada yang diamalkan dalam sistem pendidikan negara. Namun begitu, pelaksanaan PdPR ini telah memberikan pengalaman dan cabaran baru kepada ibu bapa agar lebih bertanggungjawab dalam membantu pendidikan anak mereka. Komitmen yang tinggi daripada ibu bapa amat dituntut bagi melibatkan diri dalam membantu proses pembelajaran anak di rumah seperti

menyediakan kelengkapan gajet, kemudahan capaian internet, memastikan anak mengikuti pembelajaran mengikut jadual, membantu anak memahami tugasan, dan menyelesaikan kerja rumah yang diberikan oleh guru (Mesman et al., 2022). Perkara tersebut menjelaskan bahawa ibu bapa merupakan penggerak utama kepada sikap positif murid untuk melibatkan diri dalam PdPR (Mahmod & Rahman, 2020). Murid kurang bermotivasi jika ibu bapa mengutamakan hal lain dan tidak memberi perhatian kepada mereka semasa mengikuti pembelajaran secara atas talian. Kesannya, ibu bapa menghadapi pelbagai kesulitan dan masalah untuk membantu pembelajaran anak mereka. Malahan, semasa tempoh PKP ibu bapa turut dihimpit dengan bebanan kerja dan perbezaan taraf ekonomi yang menghadkan peranan mereka dalam membantu proses pembelajaran anak (Yusuf & Jamaluddin, 2022).

Berdasarkan Hukum Geografi Pertama yang dikemukakan oleh Tobler (1970) menyatakan bahawa segala-galanya adalah berkaitan, dan sesuatu yang paling dekat adalah paling berkaitan berbanding dari sesuatu yang paling jauh. Hukum geografi tersebut menjadi rujukan kepada kajian ini yang melihat ibu bapa sebagai individu paling dekat dengan anak berbanding guru atau pihak sekolah. Oleh itu, walaupun pandemik Covid 19 telah berlalu, peranan ibu bapa masih diperlukan untuk membantu pembelajaran anak mereka di rumah dan menghadiri program-program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Namun begitu, ibu bapa mempunyai latar belakang yang berbeza bukan sahaja dari segi demografi tetapi dari aspek geografi di persekitaran tempat tinggal. Maka itu, cara manusia berinteraksi dengan alam sekitar adalah berbeza mengikut geografi yang hampir dengan kehidupan mereka (Pallathadka & Pallathadka, 2021). Sehubungan itu, kaedah dan pendekatan ibu bapa membantu proses pembelajaran anak adalah berbeza kerana ibu bapa perlu mengadaptasi kepelbagaian dalam persekitaran dan interaksi sosial yang terdapat di tempat tinggal mereka (Abd Aziz & Tayeb, 2023). Sehubungan itu, penglibatan ibu bapa Pasca Covid 19, perlu dikaji perkaitannya dengan faktor geografi yang paling dekat dengan ibu bapa. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menentukan perhubungan di antara faktor geografi dengan penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak.

## 2. Kajian Literatur

Sebelum pandemik Covid 19, pelbagai kajian penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak telah dilakukan oleh para sarjana seperti pengaruh ibu bapa dalam prestasi akademik anak (Assefa & Sintayehu, 2019; Kafoussi et al., 2019; Li & Hamlin. 2019), penglibatan ibu bapa dalam membantu murid menyelesaikan tugas dan kerja rumah ( Ramalingam et al., 2019; Veas et al., 2019), penglibatan ibu bapa dari segi sokongan ibu bapa dalam pencapaian anak (Rivera & Li, 2019; Abah et al., 2018; Dahie et al., 2018), penglibatan ibu bapa dari segi komunikasi dengan anak berkaitan dengan pendidikan di sekolah (Silinskas & Kikas., 2019; Ashim & Ahmed, 2018; Garbacz et al., 2015), penglibatan ibu bapa dari segi kawalan dan pemantauan daripada ibu bapa di rumah (Kalayci & Oz, 2018; Yulianti et al.,

2018; Wong et al., 2018) dan penglibatan ibu bapa dari segi peranan ibu bapa memberi kerjasama kepada pihak sekolah (Carmichael & MacDonald, 2016; Fernandez et al., 2017; Núñez, et al., 2017). Secara ringkas, kajian-kajian tersebut lebih membahaskan kepada aspek penglibatan ibu bapa dari segi jenis sokongan diberikan kepada proses pembelajaran anak di rumah dan di sekolah.

Selain itu, terdapat banyak kajian yang meneroka penglibatan ibu bapa dari segi status sosio ekonomi keluarga (Abd Aziz & Tayeb, 2023; Chzin & Surat, 2021; Khasfi et al., 2022; Gosman et al., 2020; Ali et al., 2020). Namun begitu, kajian tersebut lebih memfokuskan pengaruh status sosio ekonomi terhadap tahap penglibatan ibu bapa dan kesannya terhadap pencapaian anak mereka. Para penyelidik kurang membincangkan perkaitan status sosio ekonomi dengan aspek geografi di kawasan kajian tersebut dijalankan. Sedangkan kegiatan ekonomi, peluang pekerjaan dan taraf hidup adalah berkait rapat dengan aspek geografi yang terdapat di sesuatu kawasan (Achten & Lessmann, 2020). Apabila berlaku penularan pandemik Covid 19, ramai penyelidik memfokuskan kepada kajian penglibatan ibu bapa semasa dan selepas berlakunya pandemik. Antaranya kajian Atan et al. (2021) yang melibatkan 221 orang ibu bapa mempunyai anak di sekolah rendah. Kajian tersebut mendapati bahawa kesediaan ibu bapa membantu pelajaran maya anak mempunyai hubungan dengan faktor kualiti sistem, kemudahan teknologi, kualiti masa dan personaliti individu. Manakala kajian Ribeiro et al. (2023) terhadap 21,333 sampel ibu bapa dengan anak-anak dari sekolah rendah hingga pendidikan menengah, mendedahkan bahawa ibu bapa di Portugis menyokong anak-anak mereka semasa pandemik terutamanya melalui pemantauan memberi perhatian dalam kelas dan menyelesaikan tugas. Bagi kajian Bahari (2023) pula, beliau mendapati ibu bapa harus bijak menguruskan kehendak dan emosi anak untuk bermain gajet dengan mendorong mereka melakukan aktiviti-aktiviti yang positif seperti mengaji, belajar di pusat tuisyen dan bersukan.

Seterusnya kajian Piamonte & Ventura-Escote (2023) terhadap 105 responden mendapati terdapat tiga faktor yang meningkatkan pencapaian murid iaitu penyampaian guru di dalam kelas, sokongan dan pemantauan ibu bapa serta keterlibatan murid di dalam kelas. Malahan terdapat pelbagai kajian lain telah dijalankan bagi melihat kesan pandemik Covid 19 terhadap tahap penglibatan ibu bapa (Mesman et al., 2022; Rahman et al., 2022; Shukri & Yunus, 2021; Gagne et al., 2021). Namun begitu, kajian-kajian lebih menumpukan kepada pendekatan dan kaedah penglibatan ibu bapa serta pencapaian murid. Sedangkan ibu bapa mempunyai latar belakang yang berbeza dari pelbagai aspek geografi. Berdasarkan kajian-kajian lalu, dapat disimpulkan bahawa kajian penglibatan ibu bapa dari perspektif geografi amat penting dijalankan secara terperinci dan melihat perkaitannya dengan pendidikan anak. Marshall & Scarlett (2015) menekankan tentang pembentukan sikap dan tingkah laku manusia amat berkait rapat dengan keadaan geografi di sesuatu tempat. Kehidupan masyarakat luar bandar adalah berbeza dengan masyarakat bandar apabila dilihat dari segi pembangunan

infrastruktur, jaringan jalan raya, kemudahan asas, saiz populasi dan kegiatan ekonomi (Pandey et al., 2022). Sehubungan itu, terdapat perbezaan dari segi sikap dan pemikiran di antara ibu bapa yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar (Ma et al., 2020). Justeru, kajian ini amat perlu dijalankan bagi menentukan penglibatan ibu bapa Pasca Covid 19 dari perspektif geografi.

### 3. Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang dipilih ialah daerah Kuala Langat, Selangor. Kedudukan daerah Kuala Langat ditunjukkan seperti dalam peta di Rajah 1.



**Rajah 1.** Kedudukan Daerah Kuala Langat di Negeri Selangor

Berdasarkan Portal Majlis Perbandaran Kuala Langat (2023), daerah Kuala Langat meliputi kawasan seluas 857.65 km persegi ( $\text{km}^2$ ) iaitu bersamaan dengan 85,775 hektar dan merupakan salah sebuah daerah dari sembilan daerah yang terletak di Negeri Selangor. Lokasi daerah Kuala Langat adalah terletak di bahagian Barat Daya Negeri Selangor dan bersempadan dengan Daerah Sepang, Daerah Klang, dan Selat Melaka. Selain itu, kemudahan infrastruktur dan jaringan jalan raya yang baik telah menghubungkan Daerah Kuala Langat ke bandar-bandar utama seperti Pusat Bandaraya Kuala Lumpur, Shah Alam, Bandar Diraja Klang, Cyberjaya dan Pusat Pentadbiran Putrajaya. Kedudukan daerah Kuala Langat juga berhampiran dengan pintu masuk negara seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Pelabuhan Klang. Terdapat tiga lebuh raya di daerah Kuala Langat iaitu Lebuh raya ELITE (15.59 km), Lebuh raya Lembah Klang Selatan (SKVE) di sepanjang 31.28 km dan Lebuh raya Maju (MEX2) sepanjang 1.4 km.

Berdasarkan Portal Pejabat Daerah & Tanah Kuala Langat (2023), terdapat tujuh buah Mukim iaitu Mukim Bandar, Mukim Jugra, Mukim Kelanang, Mukim Morib, Mukim Batu, Mukim Tanjung Dua Belas 1 & 2, dan Mukim Telok Panglima Garang. Setiap mukim di daerah Kuala Langat mempunyai perbezaan dari segi keluasan kawasan. Mukim Tanjung Dua Belas (33,164.484 hektar) merupakan mukim yang paling luas, diikuti Mukim Jugra (18,533.410 hektar), Mukim Batu (12,147.551 hektar), Mukim Telok Panglima Garang (8,007.447 hektar), Mukim Kelanang (7,513.642 hektar), Mukim Bandar (3,852.219 hektar) dan Mukim Morib (2,521.780 hektar). Sehubungan itu, lokasi dan keluasan tujuh mukim tersebut merupakan di antara faktor geografi yang akan dikaji hubungannya dengan penglibatan ibu bapa. Di samping itu, daerah Kuala Langat mempunyai 12 bandar utama dan 40 buah kampung. Sehubungan itu, lokasi rumah dan sekolah yang terdapat di kawasan bandar dan luar bandar perlu dikaji hubungannya dengan penglibatan ibu bapa. Selain itu, terdapat sebuah pulau iaitu Pulau Carey yang terletak di Mukim Telok Panglima Garang dan beberapa buah bukit iaitu Bukit Cheeding, Bukit Tadom, Bukit Kemandol, Bukit Perah, dan Bukit Jugra. Malahan, daerah Kuala Langat mempunyai pinggir pantai yang terkenal sebagai pusat peranginan seperti pantai Morib, Pantai Kelanang, pantai Batu Laut dan Pantai Cunang serta terdapat Sungai Langat sepanjang 78 km yang merentas daerah Kuala Langat dari daerah Hulu Langat hingga ke selat melaka (Juahir et al, 2011). Oleh itu, kajian perlu dijalankan bagi menentukan sama ada lokasi-lokasi tersebut mempunyai perhubungan dengan tahap penglibatan ibu bapa dalam membantu pendidikan anak mereka. Berdasarkan data bancian penduduk 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kepadatan penduduk Kuala Langat adalah 307,449 orang dengan majoritinya adalah kaum Melayu, kedua terbesar ialah kaum Cina dan diikuti oleh kaum India serta sejumlah kecil kaum Orang Asli. Kepadatan penduduk ini seiring dengan pembangunan guna tanah di Daerah Kuala Langat yang mempunyai pelbagai perusahaan, perindustrian, perumahan, dan perdagangan. Daerah Kuala Langat turut mempunyai kawasan perindustrian berkelompok di Telok Panglima Garang, Bandar Mahkota, dan Olak Lempit. Maka

itu, kajian turut melihat kepada perhubungan penglibatan ibu bapa dengan saiz populasi dan aktiviti guna tanah yang terdapat di daerah Kuala Langat. Selain itu, pembangunan perumahan pesat dijalankan di Telok Panglima Garang dan Tanjung Dua Belas dengan perbandaran baharu iaitu Bandar Rimbayu, Tropicana Aman, Eco Santuari, Gamuda Kemuning, Gamuda Cove dan Bandar Mahkota Banting. Pelbagai bentuk, saiz dan jenis rumah telah banyak dibina bagi memenuhi keperluan penduduk. Oleh itu, kajian ini turut menumpukan kepada hubungan penglibatan ibu bapa dengan saiz rumah yang terdapat di daerah Kuala Langat. Justeru, faktor-faktor geografi yang terdapat di Kuala Langat menepati keperluan dan sesuai dengan objektif kajian yang dijalankan.

## 4. Metodologi Kajian

### 4.1 Sampel kajian

Kajian kuantitatif ini melibatkan 400 orang ibu bapa sebagai sampel dan pemilihan dibuat berdasarkan dua kriteria iaitu pertamanya ibu bapa yang mempunyai anak di Tahun 1 hingga Tahun 6 di 57 buah sekolah rendah di daerah Kuala Langat. Kedua, ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja. Borang soal selidik diberikan kepada responden menggunakan *Google Form* secara atas talian melalui Yang Di Pertua PIBG (Persatuan Ibu Bapa & Guru) sekolah masing-masing. Pemilihan responden adalah secara rawak berstrata dengan memastikan terdapat responden dari pelbagai umur, kaum, status sosio ekonomi, bilangan anak dan mewakili tujuh mukim di daerah Kuala Langat.

### 4.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sepenuhnya dan terdiri daripada beberapa bahagian seperti demografi keluarga, faktor geografi, penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah. Instrumen kajian dibina berdasarkan bacaan dari kajian-kajian lalu dan menggunakan skala Likert (1-5) iaitu (1) Sangat Rendah, (2) Rendah, (3) Sederhana, (4) Tinggi, dan (5) Sangat Tinggi. Skala Likert dipilih kerana ia dapat mengukur secara terancang sikap individu dan memudahkan pelaksanaan kajian serta memberi fleksibiliti kepada responden untuk melengkapkan soal selidik yang diberikan. Selain itu, data mempunyai kebolehpercayaan lebih tinggi dan mudah membuat kesimpulan tentang sesuatu populasi (Chua, 2006). Dalam kajian ini, soal selidik terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu bahagian A adalah maklumat demografi, bahagian B merupakan maklumat geografi, bahagian C mengandungi penglibatan ibu bapa di rumah, dan bahagian D mewakili penglibatan ibu bapa di sekolah. Instrumen soal selidik mempunyai kebolehpercayaan dengan nilai Cronbach

*Alpha* adalah 0.957 dan sangat bersesuaian untuk mengukur pemboleh ubah dalam kajian ini iaitu penglibatan ibu bapa dan geografi.

### 4.3 Analisis Kajian

Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26 sepenuhnya. Ujian inferensi dijalankan menggunakan ujian non parametrik kerana data bertaburan tidak normal. Seterusnya, ujian *khi kuasa dua* digunakan bagi menentukan hubungan faktor geografi dengan penglibatan ibu bapa (Chua, 2006).

## 5. Dapatan dan Perbincangan

Ujian *Khi Kuasa Dua* telah dijalankan bagi menentukan perhubungan faktor geografi dengan penglibatan ibu bapa. Keputusan dilihat berpandukan nilai signifikan,  $p < 0.005$ , bagi menentukan hubungan faktor geografi dengan penglibatan ibu bapa.

### 5.1. Saiz Rumah

Jadual 1 menunjukkan analisis dapatan dari ujian dijalankan bagi menentukan hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan saiz rumah yang dikategorikan kepada luas, sederhana luas dan tidak luas.

#### Jadual 1.

*Analisis Khi Kuasa Dua antara penglibatan ibu bapa dengan saiz rumah*

	Saiz rumah	N	%	Ujian Khi Kuasa Dua		
				Nilai	df	Sig.
Penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak	Luas	193	48.3%	68.251	8	0.000
	Sederhana Luas	200	50.0%			
	Tidak Luas	7	1.8%			
		400				

Hasil dapatan ujian menunjukkan terdapat hubungan antara saiz rumah dengan penglibatan ibu bapa secara signifikan terhadap pendidikan anak ( $N=400$ ,  $\chi^2 = 68.251$ ,  $df = 8$ ,  $p > 0.05$ ). Saiz rumah yang dikategorikan mengikut luas, sederhana luas dan tidak luas mempunyai hubungan dengan penglibatan ibu bapa. Keputusan ini menunjukkan bahawa saiz dan keluasan rumah yang terdapat di daerah Kuala Langat seperti rumah sesebuah, rumah teres, rumah kampung, pangaspuri, kuarters, rumah bantuan dan sebagainya mempunyai perkaitan dengan tahap sokongan ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak di sekolah rendah. Menurut Abdullah (2009), rumah bukan sekadar struktur fizikal malah merupakan simbol kehidupan dan mengalami proses perubahan mengikut arus perubahan keluarga yang menghuni di dalamnya sama ada di desa mahu pun di kota. Perubahan yang

berlaku sering melibatkan saiz, struktur dalaman, dan luaran bagi memberikan kualiti hidup yang lebih baik dan meningkatkan pencapaian kehidupan seseorang. Menurut Haryati (2012), keselesaan di dalam rumah merupakan keutamaan bagi memberi kehidupan yang berkualiti kepada penghuninya. Setiap rumah didiami memberikan keselesaan dan kepuasan yang berbeza bergantung kepada bagaimana rumah tersebut diuruskan oleh penghuninya. Tanpa mengira saiz dan jenis rumah, ibu bapa perlu menyediakan rumah yang mempunyai keselesaan dan berkualiti kepada anak mereka bagi meningkatkan pencapaian mereka dalam pendidikan. Sehubungan itu, ibu bapa harus menyediakan persekitaran rumah yang sesuai dan kondusif untuk pembelajaran anak seperti mengulang kaji pelajaran dan membuat kerja rumah. Hal ini menjelaskan bahawa saiz rumah merupakan salah satu faktor geografi yang perlu diberi perhatian apabila melibatkan tahap sokongan ibu bapa terhadap pendidikan anak.

## 5.2 Saiz Populasi

Jadual 2 menunjukkan analisis dapatan dari ujian dijalankan bagi menentukan hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan saiz populasi yang dikategorikan sebagai padat, sederhana padat dan tidak padat.

### Jadual 2.

*Analisis Khi Kuasa Dua antara penglibatan ibu bapa dengan saiz populasi*

	Saiz Populasi	N	%	Ujian Khi Kuasa Dua		
				Nilai	df	Sig.
Penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak	Padat	122	30.5	57.950	8	0.000
	Sederhana Padat	127	31.8			
	Tidak Padat	151	37.8			
		400				

Hasil dapatan ujian menunjukkan terdapat hubungan antara saiz populasi dengan penglibatan ibu bapa secara signifikan terhadap pendidikan anak ( $N=400$ ,  $\chi^2=57.950$ ,  $df=8$ ,  $p > 0.05$ ). Dapatan ujian ini menunjukkan bahawa saiz populasi yang padat, sederhana padat, dan tidak padat mempunyai perkaitan dengan tahap komitmen ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak. Pertambahan penduduk berlaku antaranya disebabkan perkembangan ekonomi di sesuatu kawasan (Nyoman & Yasa, 2017). Hal ini telah mengakibatkan peningkatan saiz populasi dan secara tidak langsung memberi kesan negatif terhadap alam sekitar, kemudahan prasarana yang tidak terurus, dan gejala sosial (Lai, 2019). Kesannya, ibu bapa turut terkesan dan mengalami masalah untuk membantu pendidikan anak mereka akibat daripada ketidaksejahteraan penduduk yang menggugat aktiviti sehari-hari penduduk di kawasan yang didiaminya (Idrus et al., 2004). Ini menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa mempunyai perkaitan dengan saiz populasi yang terdapat di kawasan tempat tinggal. Bagaimanapun, terdapat kesan positif hasil dari kepadatan

penduduk terhadap perkembangan pendidikan. Ia mewujudkan pelbagai komuniti yang terdiri dari pelbagai etnik, budaya dan amalan (Abdullah et al., 2013). Kepelbagaian latar belakang ibu bapa memberikan pelbagai kaedah dan strategi yang boleh dikongsi untuk membantu proses pembelajaran anak mereka (Seider et al., 2023). Begitu juga di kawasan yang mempunyai penduduk kurang padat, tahap penglibatan ibu bapa perlu dilihat dalam memberi sokongan pendidikan anak. Sehubungan itu, saiz populasi merupakan faktor geografi yang perlu dipertimbangkan kerana mempunyai hubungan dengan penglibatan ibu bapa.

### **5.3 Saiz Mukim**

Jadual 3 menunjukkan analisis dapatan dari ujian dijalankan bagi menentukan perhubungan antara penglibatan ibu bapa dengan saiz mukim yang dikategorikan kepada luas, sederhana luas dan tidak luas.

**Jadual 3.**

*Analisis Khi Kuasa Dua antara penglibatan ibu bapa dengan saiz mukim*

	Saiz Mukim	N	%	Ujian Khi Kuasa Dua		
				Nilai	df	Sig.
Penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak	Luas	122	30.5	68.260	8	0.000
	Sederhana Luas	76	19.0			
	Tidak Luas	202	50.5			
		400				

Hasil dapatan ujian menunjukkan terdapat hubungan antara saiz mukim dengan penglibatan ibu bapa secara signifikan terhadap pendidikan anak ( $N=400$ ,  $\chi^2=68.260$ ,  $df = 8$ ,  $p < 0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa saiz mukim yang dikategorikan kepada luas, sederhana luas, dan tidak luas mempunyai perkaitan dengan peranan ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak di sekolah rendah. Hal ini menjelaskan keluasan tujuh mukim yang terdapat di daerah Kuala Langat mempunyai hubungan dengan penglibatan ibu bapa. Kadar penglibatan penduduk melakukan aktiviti sosial adalah tinggi di sesuatu wilayah yang mempunyai populasi padat dan mempunyai keluasan lebih besar berbanding di wilayah yang lebih kecil dan mempunyai saiz populasi yang kurang padat (Haynes et al. ,1985).

Perbezaan dalam struktur spatial dan saiz penduduk di kawasan pembangunan yang luas menyebabkan penduduk mempunyai persepsi berbeza dalam tahap kepuasan dan kualiti hidup (Hsu, 2019). Ia menjelaskan bahawa saiz sesuatu kawasan mempunyai hubungan dengan kualiti kehidupan penduduknya. Berdasarkan tujuh mukim di daerah Kuala Langat, kesemua mukim mempunyai perbezaan dari segi keluasan dan pembangunan yang dijalankan. Sehubungan itu, keluasan mukim merupakan salah satu faktor geografi yang perlu diberi perhatian kerana mempunyai hubungan dengan tahap sokongan ibu bapa terhadap

pendidikan anak mereka.

#### **5.4 Lokasi Rumah**

Jadual 4 menunjukkan analisis dapatan dari ujian dijalankan bagi menentukan perhubungan antara penglibatan ibu bapa dengan lokasi rumah yang dikategorikan kepada pekan, kampung, pinggir pantai dan perladangan.

**Jadual 4.**

*Analisis Khi Kuasa Dua antara penglibatan ibu bapa dengan lokasi rumah*

	<b>Lokasi rumah</b>	<b>N</b>	<b>%</b>	<b>Ujian Khi Kuasa Dua</b>		
				<b>Nilai</b>	<b>df</b>	<b>Sig.</b>
Penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak	Pekan	195	48.8	54.353	12	0.000
	Kampung	192	48.0			
	Pinggir Pantai	7	1.8			
	Perladangan	6	1.5			
		400				

Hasil dapatan ujian menunjukkan terdapat hubungan antara lokasi rumah dengan penglibatan ibu bapa secara signifikan terhadap pendidikan anak ( $N=400$ ,  $\chi^2 = 73.610$ ,  $df = 12$ ,  $p < 0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa lokasi rumah di kawasan pekan, kampung, pinggir pantai dan perladangan mempunyai perkaitan dengan tahap sokongan ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak di sekolah rendah. Apabila membincangkan hal lokasi, banyak kajian merujuk kepada kawasan bandar dan luar bandar. Bagi kajian ini, lokasi rumah di bandar dikategorikan sebagai kawasan pekan, manakala lokasi rumah di luar bandar dikategorikan sebagai kawasan kampung, pinggir pantai dan perladangan. Menurut kajian oleh Samian & Awang (2017), cabaran menjalani kehidupan dan kesesuaian persekitaran di bandar dan luar bandar mempunyai kesan kepada sistem pendidikan.

Menurut Chiang et al. (2015) ciri lokasi rumah di bandar menitikberatkan aspek kejiranan, pengangkutan awam dan kemudahan akses ke pelbagai kawasan penting dan utama seperti pusat membeli belah, institusi pendidikan, taman rekreasi, dan lebuh raya (Oloke et al., 2013). Namun begitu, persekitaran pembelajaran di bandar memerlukan pembelajaran yang kondusif kerana kawasan persekitaran yang agak terhad serta masalah kebisingan daripada kenderaan dan pembinaan. Namun, menurut kajian Newman et al. (2019), ibu bapa di bandar mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza tentang kaedah sokongan yang berkesan perlu diberikan kepada proses pembelajaran anak. Terdapat pelbagai kemudahan dan infrastruktur berkaitan pendidikan disediakan di kawasan bandar dan memberi peluang kepada ibu bapa untuk membantu pencapaian pendidikan anak mereka. Bagi kawasan luar bandar pula, ia sering dikaitkan dengan pelbagai kekurangan sama ada dari segi infrastruktur dan pemikiran masyarakat apabila melibatkan isu pendidikan (Andin et al, 2010). Menurut kajian Yi (2020), tahap

kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan adalah berbeza di lokasi perkampungan mengikut aspek kemudahan yang disediakan. Namun begitu, pendekatan yang sesuai dan menepati kehendak masyarakat luar bandar dapat membantu dalam menarik ibu bapa untuk menyumbang kepada pendidikan anak mereka terutama aktiviti-aktiviti yang melibatkan pihak sekolah. Oleh itu, lokasi rumah merupakan salah satu faktor geografi yang perlu dikaji lebih mendalam kerana mempunyai hubungan dengan penglibatan ibu bapa.

### **5.5 Lokasi Sekolah**

Jadual 5 menunjukkan analisis dapatan dari ujian dijalankan bagi menentukan hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan lokasi sekolah yang dikategorikan kepada sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

**Jadual 5.**

*Analisis Khi Kuasa Dua antara penglibatan ibu bapa dengan lokasi sekolah*

	<b>Lokasi Sekolah</b>	<b>N</b>	<b>%</b>	<b>Ujian Khi Kuasa Dua</b>		
				<b>Nilai</b>	<b>df</b>	<b>Sig.</b>
Penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak	Bandar	237	59.3	45.316	4	0.000
	Luar Bandar	163	40.8			
						400

Hasil dapatan ujian menunjukkan terdapat hubungan lokasi sekolah dengan penglibatan ibu bapa secara signifikan terhadap pendidikan anak ( $N=400$ ,  $\chi^2 = 45.316$ ,  $df = 4$ ,  $p < 0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa lokasi sekolah di kawasan bandar dan luar bandar di daerah Kuala Langat mempunyai perkaitan dengan tahap sokongan dan komitmen ibu bapa dalam memberi membantu anak mereka mengikuti proses pembelajaran di sekolah rendah. Berdasarkan Portal Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (2024), terdapat 36 buah sekolah kebangsaan (SK), 8 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan 13 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Bagi SK, terdapat 31 buah sekolah di kawasan bandar dan 5 buah sekolah di kawasan luar bandar. Bagi SJKC pula, terdapat 7 sekolah di kawasan bandar dan sebuah sekolah di kawasan luar bandar. Manakala, bagi SJKT terdapat 9 buah sekolah di kawasan bandar dan 4 buah sekolah di luar bandar.

Lokasi sekolah yang dibina secara tidak langsung memberikan gambaran tentang populasi kaum, kegiatan ekonomi, adat budaya dan kemasyarakatan di kawasan tersebut. Misalnya, Sekolah Kebangsaan (SK) dibina di kawasan majoriti penduduk kaum melayu, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di kawasan majoriti penduduk kaum cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) berada di kawasan majoriti penduduk dari kaum India. Sekolah-sekolah yang dibina terdapat di pelbagai lokasi sama ada di kawasan bandar atau luar bandar. Bagi memberikan

perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada proses pembelajaran murid, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menaiktaraf sekolah bandar dan luar bandar terutama dari segi kemudahan infrastruktur dan kelengkapan pembelajaran di dalam bilik darjah (Termize et al., 2021). Sehubungan itu, kemudahan diberikan diharapkan dapat meningkatkan pencapaian murid dalam pelajaran di samping mendapat sokongan ibu bapa sama-sama membantu dalam segala program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Justeru, lokasi sekolah merupakan salah satu faktor geografi yang penting dan mempunyai perhubungan dengan tahap sokongan ibu bapa dalam membantu pencapaian anak mereka dalam pelajaran.

### **5.6 Lokasi Mukim**

Jadual 6 menunjukkan analisis dapatan dari ujian dijalankan bagi menentukan hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan lokasi mukim yang terdapat di daerah Kuala Langat.

**Jadual 6.**

*Analisis Khi Kuasa Dua antara penglibatan ibu bapa dengan lokasi mukim*

	<b>Guna Tanah</b>	<b>N</b>	<b>%</b>	<b>Ujian Khi Kuasa Dua</b>		
				<b>Nilai</b>	<b>df</b>	<b>Sig.</b>
Penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak	Tanjung Dua Belas 1	122	30.5	117.765	28	0.000
	Tanjung Dua Belas 2	60	15.0			
	Telok Panglima Garang	120	30.0			
	Batu	20	5.0			
	Kelanang	31	7.8			
	Jugra	25	6.3			
	Bandar	10	2.5			
	Morib	12	3.0			
		400				

Hasil dapatan ujian menunjukkan terdapat hubungan antara lokasi mukim dengan penglibatan ibu bapa secara signifikan terhadap pendidikan anak ( $N=400$ ,  $\chi^2 = 117.765$ ,  $df = 28$ ,  $p < 0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa lokasi mukim iaitu Mukim Tanjung Dua Belas yang terbahagi kepada Mukim Tanjung Dua Belas 1 & 2, Mukim Telok Panglima Garang, Mukim Batu, Mukim Kelanang, Mukim Jugra, Mukim Bandar dan Mukim Morib mempunyai hubungan dengan komitmen dan sikap ibu bapa dalam proses pembelajaran anak mereka. Lokasi mukim di daerah Kuala Langat boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu lokasi mukim yang bersempadan secara daratan dengan daerah lain dan bersempadan dengan pinggir pantai yang menghadap Selat Melaka. Mukim-mukim yang bersempadan secara daratan ialah Mukim Telok Panglima Garang, Mukim Tanjung Dua Belas 1 & 2 dan Mukim Bandar. Manakala, mukim-mukim yang bersempadan dengan pinggir

pantai ialah Mukim Jugra, Mukim Kelanang, Mukim Morib dan Mukim Batu. Perbandingan antara lokasi mukim menunjukkan terdapat perbezaan dari segi hubungan sosial, penempatan, jaringan jalan raya, pengangkutan dan kegiatan ekonomi (Saat et al., 2017). Sehubungan itu, lokasi mukim merupakan salah satu faktor geografi yang perlu dipertimbangkan apabila melihat penglibatan ibu bapa untuk membantu proses pembelajaran anak mereka.

### **5.7 Guna Tanah**

Jadual 7 menunjukkan analisis dapatan dari ujian dijalankan bagi menentukan hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan guna tanah yang dikategorikan kepada empat kawasan guna tanah iaitu kawasan perumahan, pertanian, perindustrian dan pembangunan bercampur.

**Jadual 7.**

*Analisis Khi Kuasa Dua antara penglibatan ibu bapa dengan guna tanah*

	<b>Guna Tanah</b>	<b>N</b>	<b>%</b>	<b>Ujian Khi Kuasa Dua</b>		
				<b>Nilai</b>	<b>df</b>	<b>Sig.</b>
Penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak	Perumahan	187	46.8	138.422	12	0.000
	Pertanian	136	34.0			
	Perindustrian	20	5.0			
	Pembangunan bercampur	57	14.2			
		400				

Hasil dapatan ujian menunjukkan terdapat hubungan antara guna tanah dengan penglibatan ibu bapa secara signifikan terhadap pendidikan anak ( $N=400$ ,  $\chi^2 = 138.422$ ,  $df = 12$ ,  $p < 0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa guna tanah di kawasan perumahan, pertanian, perindustrian, dan pembangunan bercampur yang terdapat di daerah Kuala Langat mempunyai perkaitan dengan tahap sokongan ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak di sekolah rendah. Perubahan guna tanah adalah satu proses bagi memenuhi keperluan penduduk yang berlaku secara berterusan dan semakin bertambah dari semasa ke semasa di sesuatu tempat untuk menjalankan aktiviti fizikal, sosial dan ekonomi. Perubahan tersebut meliputi pelbagai pembangunan di atas permukaan tanah seperti perumahan, pertanian, komersial, industri, perbandaran, dan lain-lain (Ahmad & Mustaffa, 2019). Beberapa kajian lepas juga mendapati terdapat perubahan guna tanah dan timbal balas terhadap tingkah laku masyarakat terhadap pola pengundian. (Muhammad Uzair & Khadijah, 2015a, 2015b, Mohammad Tawfik et al., 2017; Muhammad Fathi, 2023). Perubahan alam sekeliling berlaku sama ada secara beransur-ansur atau pantas perlu difahami secara mendalam kerana mempunyai perkaitan dengan interaksi alam semula jadi dengan aktiviti manusia (Bakr et al., 2010). Oleh itu, isu penggunaan tanah amat penting kerana melibatkan perubahan kepada alam sekitar, cuaca, aktiviti sosial, dan pendidikan pada masa kini. Bagi kajian ini, guna tanah

yang terlibat adalah kawasan perumahan, pertanian, pembangunan bercampur, dan perindustrian. Berdasarkan guna tanah tersebut, penglibatan ibu bapa amat penting dan perlu diperkasakan terutama di kawasan perumahan. Kepuasan perumahan yang memberikan keselesaan kepada penghuninya merupakan indikator kepada kualiti dan kesejahteraan penduduknya (Ghani et al., 2014).

Jelasnya, kawasan perumahan mempunyai perkaitan dengan komitmen ibu bapa dalam menyokong proses pembelajaran anak mereka. Perubahan guna tanah memberikan persekitaran yang berbeza dan mengakibatkan perbezaan norma sosial yang memberi kesan kepada sikap ibu bapa terhadap pencapaian anak mereka dalam pendidikan (Salleh & Badarulzaman, 2012). Begitu juga persekitaran di kawasan guna tanah perindustrian, pertanian dan pembangunan bercampur, mempunyai pengaruh tersendiri terhadap tahap penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak. Menurut Mazelan (2024), kawasan perindustrian terdedah dengan pelbagai pencemaran bunyi dan asap serta memberi risiko kesihatan kepada penduduk berbanding kawasan pertanian yang mempunyai persekitaran yang lebih tenang dan sejahtera. Manakala, pembangunan bercampur mempunyai pelbagai kemudahan dari segi ekonomi dan pembangunan moden (Mohsin et al., 2022). Sehubungan itu, guna tanah merupakan faktor yang perlu diambil kira oleh pihak yang berkaitan dalam merencana pembangunan setempat. Ini kerana ia akan mempengaruhi tingkah laku yang berkait dengan penglibatan ibu bapa dalam memberi rangsangan, galakan serta mewujudkan persekitaran yang positif (Ghatol, 2017). Perkara tersebut dapat membantu dalam pembentukan perkembangan pendidikan mereka untuk meningkatkan pencapaian akademik (Lehrl & Sammons, 2020). Justeru, guna tanah merupakan salah satu faktor geografi yang harus dikaji lebih mendalam bagi mengenal pasti kesannya terhadap penglibatan ibu bapa.

### **5.8 Jarak ke Sekolah**

Jadual 8 menunjukkan analisis dapatan dari ujian dijalankan bagi menentukan hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan jarak rumah ke sekolah yang dikategorikan kepada berhampiran sekolah, kawasan kejiranan, dalam mukim dan luar mukim.

#### **Jadual 8.**

*Analisis Khi Kuasa Dua antara penglibatan ibu bapa dengan jarak ke sekolah*

	<b>Jarak Rumah Ke Sekolah</b>	<b>N</b>	<b>%</b>	<b>Ujian Khi Kuasa Dua</b>		
				<b>Nilai</b>	<b>df</b>	<b>Sig.</b>
Penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak	Berhampiran sekolah	53	13.3	82.176	12	0.000
	Kawasan kejiranan	245	61.3			
	Dalam mukim	77	19.3			
	Luar mukim	25	6.3			
		400				

Hasil dapatan ujian menunjukkan terdapat hubungan antara jarak rumah ke sekolah dengan penglibatan ibu bapa secara signifikan terhadap pendidikan anak ( $N=400$ ,  $\chi^2 = 82.176$ ,  $df = 12$ ,  $p > 0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa jarak rumah yang berhampiran ke sekolah, di kawasan kejiranan, dalam mukim, dan luar mukim mempunyai perkaitan dengan tahap sokongan ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak di sekolah rendah. Terdapat beberapa kajian yang mendapati jarak rumah ke sekolah mempunyai hubungan dengan kaedah ibu bapa menghantar anak ke sekolah. Misalnya, kajian Chica-Olmo & Lizarraga (2022) mendapati bahawa kaedah ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah adalah berkait rapat dengan faktor jarak sama ada berjalan kaki atau menaiki kenderaan. Menurut Leung & Loo (2020) pula, faktor jarak rumah ke sekolah, kemudahan pengangkutan awam dan infrastruktur jalan raya mempengaruhi murid untuk berjalan kaki ke sekolah. Selain itu, jarak perjalanan ke sekolah turut memberi kesan psikologi kepada ibu bapa iaitu jarak yang jauh menyebabkan ibu bapa mudah mengalami tekanan perasaan akibat peningkatan kos kenderaan dan mengambil masa yang lebih untuk menghantar anak ke sekolah setiap hari (Dickerson & McIntosh, 2013). Manakala bagi rumah yang mempunyai jarak berdekatan dengan sekolah, ibu bapa lebih mudah untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran anak mereka melalui perbincangan dengan guru dan menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah (Falch, 2013). Kesannya, hubungan ibu bapa dengan pihak sekolah dapat saling bekerjasama demi kecemerlangan pencapaian akademik anak mereka. Oleh hal yang demikian, jarak mempunyai kaitan dengan tahap sokongan ibu bapa.

### **5.9 Cadangan Masa Depan**

Berdasarkan dapatan kajian, penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak pasca COVID-19 mempunyai hubungan dengan faktor geografi yang hampir dengan persekitaran ibu bapa iaitu saiz rumah, saiz populasi, saiz kawasan, lokasi rumah, lokasi sekolah, lokasi mukim, guna tanah, dan jarak rumah ke sekolah. Hal ini selari dengan dapatan kajian Liu et al. (2022) yang menyatakan bahawa corak ruangan, guna tanah, kepadatan penduduk, perbandaran, dan sistem sosial adalah saling berkaitan dan mempunyai perhubungan serta saling berinteraksi di dalam menyelesaikan masalah sosio ekonomi demi kesejahteraan hidup manusia. Justeru, kajian tentang penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak berdasarkan faktor geografi perlu dijalankan dengan lebih mendalam di masa hadapan. Antara kajian yang dicadangkan adalah menentukan saiz atau jenis rumah yang sebenar, lokasi kawasan rumah atau sekolah yang lebih spesifik, jenis guna tanah yang dominan, dan ukuran jarak sebenar rumah ke sekolah yang memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa. Kajian selanjutnya perlu menentukan manakah antara faktor-faktor geografi tersebut yang paling mempunyai perkaitan dengan penglibatan ibu bapa. Justeru, melalui kajian-kajian yang akan dijalankan nanti diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak berkepentingan untuk merancang dan merangka

program bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak seiring dengan kemajuan pembangunan yang ingin dicapai bagi kesejahteraan dan kemakmuran negara.

## 6. Kesimpulan

Pelbagai cabaran di dalam bidang pendidikan perlu dihadapi pasca COVID-19 terutama melibatkan sokongan ibu bapa terhadap pendidikan anak mereka. Tanpa sokongan ibu bapa, segala usaha guru dan pihak sekolah untuk melaksanakan dasar pendidikan yang dirancang tidak akan berjalan lancar dan berjaya sepenuhnya. Ibu bapa mempunyai peranan penting dalam pencapaian pendidikan anak mereka. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor geografi mempunyai hubungan dengan penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak. Saiz atau keruangan, guna tanah, lokasi dan jarak merupakan elemen-elemen geografi yang mempunyai perkaitan dengan penglibatan ibu bapa. Oleh yang demikian, faktor geografi amat penting dan perlu dipertimbangkan apabila pihak berkepentingan ingin merancang dan merangka sesuatu dasar atau polisi untuk melibatkan ibu bapa supaya memainkan peranan lebih positif dan proaktif dalam menyokong pendidikan anak terutama di sekolah rendah.

## 7. Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Geografi, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat di atas sokongan yang diberikan bagi menghasilkan penulisan artikel ini. Kajian ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan.

**Konflik Kepentingan:** Penulis tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

## 8. RUJUKAN

- Abah, J. A., Age, T. J., & Okoronkwo, M. O. (2018). Returning responsibility to the home: Outcomes of background checks on low and high achievers in middle basic mathematics in North Bank Suburb of Makurdi, Nigeria. *Journal on Efficiency and Responsibility in Education and Science*, 11(2), 29-37.
- Abdullah, F. (2009). Evolusi rumah dan kehidupan keluarga. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 247-263.
- Abdullah, M. S., Ismail, M. M., & Noor, M. M. (2013). Kesepaduan sosial dan kejiranan di kawasan rukun tetangga. *Jurnal Kinabalu*, 19.
- Achten, S., & Lessmann, C. (2020). Spatial inequality, geography and economic activity. *World development*, 136, 105114.

- Ahmad, N. S. B. N., & Mustafa, F. B. (2019). Analisis perubahan guna tanah Negeri Sembilan melalui aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS). *Geografia*, 15(1).
- Akinnuoye, M. A., Akinnuoye, O. F., Wan Shub, W. A., & Mokhtar, J. (2015). Gender-based perception and appraisal of geography education by Malaysian secondary schools. *Journal of Research and Method in Education*, 5, 45–52.
- Al-Nofli, M. A. (2010). Students' perceptions about geography: A study of basic education school students in Oman. *European Journal of Social Sciences*, 16(1), 11–19.
- Andin, C., Ambotang, A. S., Kamin, Y., & Hamzah, R. (2019). Transformasi persekitaran sekolah melalui permuafakatan sekolah dan komuniti luar bandar. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(2), 84-101.
- Ashim, B., & Ahmed, S. (2018). Effects of Parental Involvement on Secondary School Students' Mathematics Achievement in Assam, India. *Online Submission*, 3(7), 275-281.
- <https://doi:10.5281/zenodo.1318251>
- Assefa, A., & Sintayehu, B. (2019). Relationship between parental involvement and students' academic achievement in model primary and secondary school of Haramaya University, East Hararghe Zone, Oromia Regional State, Ethiopia. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 7(2), 46-56.
- Atan, N.S., Tonot, H., Husin, N. (2021): Kesediaan Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Maya Pelajar Sekolah Rendah Semasa Krisis Pandemik Covid-19. – *Proceeding of 8 International Research Management and Innovation Conference (8th IRMIC 2021)* 10p.
- Bahari, A. A. (2023). Analysis of the Role and Challenges of Parents in Educating Children Post-Pandemic Covid-19. *Jurnal Kajian Pendidikan dan Psikologi*, 1(2 Desember), 84-91.
- Bakr, N., Weindorf, D.C., Bahnassy, M.H., Marei, S.M., & El-Badawi, M.M. (2010). Monitoring land cover changes in a newly reclaimed area of Egypt using multi-temporal Landsat data. *Applied Geography*, 30(4), 592-605.
- Carmichael, C., & MacDonald, A. (2016). Parental influences on primary school children's mathematics achievement: Insights from the Longitudinal Study of Australian Children. *Education* 3-13, 44(2), 197-211.
- <https://doi:10.1080/03004279.2014.939684>
- Chiang, Y.-H., Peng, T.-C., and Chang, C.-O. (2015). The nonlinear effect of convenience stores on house prices: A case study of Taipei. Taiwan. *Habitat International*, 46, 82–90.
- <https://doi:10.1016/j.habitatint.2014.10.017>.
- Chica-Olmo, J., & Lizárraga, C. (2022). Effect of Interaction between Distance and Travel Times on Travel Mode Choice when Escorting Children to and from School. *Journal of Urban Planning and Development*, 148(1), 05021055.
- Chua Y. P. (2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. Malaysia: McGraw-Hill.

- Dahie, A. M., Mohamed, A. A., & Mohamed, R. A. (2018). The role of parental involvement in student academic achievement: Empirical study from secondary schools in Mogadishu-Somalia. *International research journal of human resources and social sciences*, 5(7), 1-24.
- Dickerson, A., & McIntosh, S. (2013). The impact of distance to nearest education institution on the post-compulsory education participation decision. *Urban Studies*, 50(4), 742-758.
- Falch, T., Lujala, P., & Strom, B. (2013). Geographical constraints and educational attainment. *Regional Science and Urban Economics*, 43(1), 164–176. <https://doi.org/10.1016/j.regsciurbeco.2012.06.007>
- Fernández Alonso, R., Álvarez Díaz, M., Woitschach, P., Suárez Álvarez, J., & Cuesta Izquierdo, M. (2017). Parental involvement and academic performance: Less control and more communication. *Psicothema*. <https://doi:10.7334/psicothema2017.181>
- Gagné, M. H., Piché, G., Clément, M. È., & Villatte, A. (2021). Families in confinement: A pre-post COVID-19 study. *Couple and Family Psychology: Research and Practice*, 10(4), 260.
- Garbacz, S. A., McDowall, P. S., Schaugency, E., Sheridan, S. M., & Welch, G. W. (2015). A multidimensional examination of parent involvement across child and parent characteristics. *The Elementary School Journal*, 115(3), 384-406. <https://doi:10.1177/0272431616687670>
- Ghani, R., Jaffar, M., dan Daud, M. M. (2014). Faktor-Faktor Penentu Kepuasan Perumahan Yang Memberi Kesan Terhadap Gelagat Pembayaran Caj Perkhidmatan Bagi Perumahan Bertingkat. *Jurnal Intelek*, Vol 9(1), 52-62.
- Ghatol, S. D. (2017). Academic Stress among Higher Secondary School Students: A Review. *International Journal of Advanced Research in Education & Technology (IJARET)*, 4(1), 38–41
- Haryati, S. (2012). Keselesaan terma rumah kediaman dan pengaruhnya terhadap kualiti hidup penduduk. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8 issue 4, (28-43)
- Haynes, K.E., & Fotheringham, A.S. (1985). *Gravity and Spatial Interaction Models*. Reprint. Edited by Grant Ian Thrall. WVU Research Repository, 2020.
- Hsu, K. C. (2019). Effect of distinct land use patterns on quality of life in urban settings. *Journal of Urban Planning and Development*, 145(4), 05019016.
- Idrus, S., Lim C. S., & Hadi, A. S. (2004). Kemudahanterancaman (vulnerability) penduduk terhadap perubahan guna tanah di Selangor. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 5 (2004), 79-98.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Diambil pada 7 Oktober 2023 dari <https://www.dosm.gov.my/mycendash/>
- Juahir, H., Zain, S. M., Yusoff, M. K., Hanidza, T. T., Armi, A. M., Toriman, M. E., & Mokhtar, M. (2011). Spatial water quality assessment of Langat River Basin (Malaysia) using environmetric techniques. *Environmental monitoring and assessment*, 173, 625-641.

- Kafoussi, S., Chaviaris, P., & Moutsios-Rentzos, A. (2019). Investigating parental influences on sixth graders' mathematical identity in Greece: A case study. *International Electronic Journal of Mathematics Education*, 15(2), em0572. <https://doi:10.29333/iejme/6279>
- Kalaycı, G., & Öz, H. (2018). Parental involvement in English language education: Understanding parents' perceptions. *IOJET*. Online Submission 5(4): 832–847.
- Lai, S. A. (2019). Planning for city safety. *Journal of Urban Management*, 8(2), 179-181.
- Lehrl, S., Evangelou, M., & Sammons, P. (2020). The home learning environment and its role in shaping children's educational development. *School Effectiveness and School Improvement*, 31(1), 1–6. <https://doi:10.1080/09243453.2020.1693487>
- Leung, K. Y., & Loo, B. P. (2020). Determinants of children's active travel to school: A case study in Hong Kong. *Travel behaviour and society*, 21, 79-89.
- Li, A., & Hamlin, D. (2019). Is daily parental help with homework helpful? Reanalyzing national data using a propensity score-based approach. *Sociology of Education*, 92(4), 367-385. <https://doi:10.1177/0038040719867598>
- Liu, M., Wei, H., Dong, X., Wang, X. C., Zhao, B., & Zhang, Y. (2022). Integrating Land Use, Ecosystem Service, and Human Well-Being: A Systematic Review. *Sustainability*, 14(11), 6926.
- Ma, L., Liu, S., Fang, F., Che, X., & Chen, M. (2020). Evaluation of urban-rural difference and integration based on quality of life. *Sustainable Cities and Society*, 54, 101877.
- Mailis, M. I. (2022). Pandangan dan cabaran guru terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam tempoh pandemik covid-19. *Jurnal Ilmi*, 11(1), 14-25.
- Majlis Perbandaran Kuala Langat (n.d), diakses pada 7 Julai 2023 dari <http://gis.mpkl.gov.my/awam/gis/index.php>
- Marshall, T., & Scarlett, J. (2015). *Prisoners of geography: Ten maps that tell you everything you need to know about global politics*. London: Elliot and Thompson.
- Mazelan, N. S. (2024). Kepentingan Perancangan Pembangunan Inklusif bagi Memastikan Kelestarian Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar: Kajian Kes Parlimen Kuala Langat: The Importance of Inclusive Development Planning to Ensure Social, Economic and Environmental Sustainability: Case Study of Kuala Langat Parliamentary Constituency. *Journal of the Malaysian Parliament*, 4, 253-270.
- Mesman, N. S., Majid, Z. A., & Harun, D. M. (2022). Cabaran Dan Peranan Ibu Bapa Dalam Memperkasakan Pembelajaran Jawi Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 1-12.
- Mohammad Tawfik Yaakub, Osman Md Rasip, & Muhammad Uzair Azizan. (2017). Transisi politik Melayu-Islam di Kedah: Analisis 2008-2016. *Jurnal Sains Insani*, 2(1), 28-34. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.16>

- Mohsin, A., Nazha, N. S., Ab Muin, Z., Raid, M. M., & Narayanasamy, J. (2022). Implikasi Pembangunan Bercampur Terhadap Kelestarian Sosial. *International Journal of Social Science Research*, 4(4), 175-185.
- Muhammad Uzair Azizan, & Khadijah Hussin. (2015a). Understanding the pressure on agriculture land as a safeguard for food security in Malaysia. *International Journal of Built Environment and Sustainability*, 2(4), 278-283. <https://doi.org/10.11113/ijbes.v2.n4.95>
- Muhammad Uzair Azizan, & Khadijah Hussin. (2015b). Multiple driving sources of paddy land conversion: A lesson from Malaysia's rice bowl state. *Jurnal Teknologi*, 1(78):29-43. <https://doi.org/10.11113/jt.v78.4345>
- Newman, N., Northcutt, A., Farmer, A., & Black, B. (2019). Epstein's model of parental involvement: Parent perceptions in urban schools. *Language Teaching and Educational Research (LATER)*, 2(2), 81-100.
- Nyoman, S., & Yasa, I. G. W. M. (2017). Pengaruh Pertumbuhan Ekonomi, Migrasi Masuk Terhadap Pertumbuhan Penduduk dan Alih Fungsi Bangunan Penduduk Asli Kota. *Jurnal Ekonomi Kuantitatif Terapan*, 10(1), 228335.
- Núñez, J. C., Epstein, J. L., Suárez, N., Rosário, P., Vallejo, G., & Valle, A. (2017). How do student prior achievement and homework behaviors relate to perceived parental involvement in homework? *Frontiers in psychology*, 8, 1217. <https://doi:10.3389/fpsyg.2017.01217>
- Oloke, O. C., Simon, F. R., and Adesulu, A. F. (2013) 'An examination of the factors affecting residential property values in magodo neighbourhood, Lagos State'. *International Journal of Economy, Management and Social Sciences*, 2(8), 639–643.
- Otani, M. (2020). Parental involvement and academic achievement among elementary and middle school students. *Asia Pacific Education Review*, 21(1), 1-25. <https://doi:10.1007/s12564-019-09614-z>
- Pandey, B., Breisford, C., & Seto, K. C. (2022). Infrastructure inequality is a characteristic of urbanization. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 119(15), e2119890119.
- Piamonte, S., & Ventura-Escote, M. J. (2023). Factors Affecting the Academic Performance of Elementary Pupils in the Post Covid-19 Pandemic. *Psychology and Education: A Multidisciplinary Journal*, 12(5), 449-462.
- Piotrowska, I., Cichoń, M., Abramowicz, D., & Sypniewski, J. (2019). Challenges in Geography Education – A Review of Research Problems. *Quaestiones Geographicae*, 38(1), 71–84.
- Portal Rasmi Pejabat Daerah & Tanah Kuala Langat. Peta - Peta Daerah Kuala Langat. (n.d.). Diakses pada 7 Februari 2023 dari <https://www.selangor.gov.my/kualalangat.php/pages/view/19?mid=42>
- Portal Rasmi Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (n.d.). Diakses pada 15 Februari 2023 dari Pautan : <https://jpn.selangor.moe.gov.my/korporat/sekolah>
- Rahman, M. A. A., & Sharakal, M. F. M. (2022). Level of rural parent involvement of

- Dungun District in Home Teaching and Learning Activities (PDPR) and the effect on the development of Post-COVID Children 19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15, 8-13.
- Ramalingam, S., Mariam, M., & Karuppanan, G. (2019). Parents involvement in Selangor Tamil school students' academic achievement [Penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar sekolah Tamil di Selangor]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3), 308-333.
- Ribeiro, L. M., Cunha, R. S., Silva, M. C. A. E., Carvalho, M., & Vital, M. L. (2021). Parental involvement during pandemic times: *Challenges and opportunities. Education Sciences*, 11(6), 302.
- Rivera, H., & Li, J. T. (2019). Hispanic parents' involvement and teachers' empowerment as pathways to Hispanic English learners' academic performance. *Hispanic Journal of Behavioral Sciences*, 41(2), 214-230.
- Sa'at, N. H., Mamat, I., & Nawang, W. M. Z. W. (2017). Pola perubahan sosiobudaya dan mobiliti sosial dalam kalangan komuniti muara di pantai timur Semenanjung Malaysia. *Akademika*, 87(3), 165-178.
- Saini, K. M., Fauzi, R., & Osman, S. (2019). Pengaruh persekitaran terhadap psikologi dalam kalangan pelajar dari perspektif kualiti hidup di Universiti Malaya. *e-Bangi*, 16(1).
- Salleh, A. G. & Badarulzaman, N. (2012). Quality of Life of Residents in Urban Neighbourhoods of Pulau Pinang, Malaysia. *Journal of Construction in Developing Countries*, 17(2), 117-123.
- Samian, S., & Awang, A. (2017). Pendidikan sebagai komponen kualiti hidup masyarakat pinggir bandar (education as quality components of life in the suburban community). *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 1(1), 267–280.
- Seider, S., Huguley, J., McCobb, E., Titchner, D., Ward, K., Xu, H., & Zheng, Y. (2023). How parents in multiethnic-racial families share cultural assets with their children. *Race and Social Problems*, 15 (1), 5–18.
- Shukri, S. H. D. B. M., & Yunus, M. M. (2021). Kesan pandemik COVID-19 terhadap pencapaian tahap akademik murid. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 313-343.
- Silinskas, G., & Kikas, E. (2019). Parental involvement in math homework: Links to children's performance and motivation. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 63(1), 17-37.
- Termize, M. F., Mohd, R., & Zamri, A. (2021). Tahap sokongan ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid B40 di sekolah luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 707-717.
- Tobler, W. R. (1970). A computer movie simulating urban growth in the Detroit region. *Economic geography*, 46(sup1), 234-240.
- Veas, A., Castejón, J. L., Miñano, P., & Gilar-Corbí, R. (2019). Relationship between parent involvement and academic achievement through metacognitive strategies: A multiple multilevel mediation analysis. *British journal of educational psychology*, 89(2), 393-411.

- Wong, R. S. M., Ho, F. K. W., Wong, W. H. S., Tung, K. T. S., Chow, C. B., Rao, N., & Ip, P. (2018). Parental involvement in primary school education: Its relationship with children's academic performance and psychosocial competence through engaging children with school. *Journal of Child and Family Studies*, 27, 1544-1555.
- Yi, W. C. (2020). Apa Kata Ibu Bapa Peribumi Terhadap Pendidikan Anak Muda? *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(6), 120-128.
- Yulianti, K., Denessen, E. J. P. G., & Droop, W. (2018). The effects of parental involvement on children's education: A study in elementary schools in Indonesia. *International Journal About Parents in Education*, 10(1): 14–32
- Yusuf, Y., & Jamaludin, K. A. (2022). Cabaran perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru, ibu bapa dan murid semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 120-133.
- Zamri, Z & Rahman, A. A. 2020. COVID-19: Impak dalam pengajaran dan pembelajaran. Dlm. Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (Pnyt.) *Sistem Pendidikan di Malaysia: Sejarah dan Cabaran Abad Ke-21*, 449-486. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia